

# Najib tolak dakwaan DEB menguntungkan Melayu sahaja

UM - 21/11/2006

Oleh HABIBAH OMAR

**PUTRAJAYA** 20 Nov. - Datuk Seri Najib Tun Razak menolak sama sekali dakwaan kononnya Dasar Ekonomi Baru (DEB) menguntungkan orang Melayu dan golongan kaya sahaja, sebaliknya ia banyak mengubah taraf sosio-ekonomi rakyat.

Timbalan Perdana Menteri berkata, dalam usaha menghapuskan kemiskinan, DEB tidak tertumpu kepada satu kaum sebaliknya dalam tempoh dasar itu dilaksanakan, banyak tokoh korporat bangsa lain telah berjaya dihasilkan.

"Dalam tempoh DEB, banyak tokoh korporat bukan Melayu jadi kaya, jadi kenapa difokus kepada satu dua tokoh Melayu sahaja, yang bukan Melayu juga dapat banyak limpahan dan kontrak daripada kerajaan.

"Kenapa tak dipersoalkan pula, ini sikap yang tak boleh diterima," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa: Keunikan Kontemporari dan Legasi Ibn Khaldun di sini, hari ini.

Beliau mengulas mengenai intisari forum awam bertajuk "Adakah DEB Masih Relevan" yang menyatakan bahawa DEB tidak mempertahankan kepentingan kaum sebaliknya hanya mempertahankan kepentingan kelas atasan.

Forum yang diadakan di Pulau Pinang semalam menjemput pembahas daripada Parti Gerakan dan Parti Keadilan Rakyat.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, pelaksanaan DEB telah mengubah taraf sosio-ekonomi dan berjaya menghapuskan kemiskinan dengan Malaysia diiktiraf ne-

gara terbaik dalam penghapusan kemiskinan di seluruh dunia.

"Jangan fikir aspek perniagaan sahaja, lihat masalah kemiskinan di negara kita telah dapat dikurangkan hingga kemiskinan tegar boleh dihapuskan menjelang 2010. Ini satu kemajuan terbesar."

"Kalau sebelum DEB, kadar kemiskinan melebihi 50 peratus tetapi telah menurun kepada lebih kurang lima peratus sahaja, ini kejayaan besar," katanya.

Walaupun DEB diakui mempunyai kelemahan, Najib berkata, kelemahan itu akan cuba diperbaiki berdasarkan kepada pengalaman dan antaranya ialah penswastan dan beberapa pendekatan yang tidak sesuai dan tidak memberikan hasil seperti yang diharapkan.

Dalam pada itu, ketika berucap merasmikan persidangan antarabangsa itu, Najib berkata, antara idea penting yang diasaskan oleh Ibn Khaldun ialah 'hadarah' yang bermaksud tamadun bandar yang berkait dengan perkataan 'hadhari'.

Islam Hadhari, ujarinya, merujuk kepada polisi dan pendekatan kerajaan untuk membangunkan Islam di negara ini.

"Mungkin kita boleh membantu memberikan pemahaman yang lebih baik kepada rakyat Malaysia mengenai polisi Islam Hadhari melalui penulisan Ibn Khaldun," katanya.

"Justeru, kita perlu mengingati dan memberikan pengiktirafan kepada Ibn Khaldun dan lain-lain pemikir Islam kerana mereka bukan harus diingati secara nostalgik mengenai kegemilangan Islam masa lalu semata-mata," katanya.